

uum/2048/um/30.05.2005/p:25(6)

um 30/5/05 25:6

UUM tawar dua program baru PJJ

SINTOK 29 Mei — Universiti Utara Malaysia (UUM) menawarkan dua program baru peringkat ijazah Sarjana Muda di bawah program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) bagi sesi 2005/06 bermula Oktober ini.

Pengarah Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE) UUM, Prof. Madya Dr. Asmah Laili Yeon dalam satu kenyataan hari ini berkata, program itu ialah Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa dengan Kepujian.

Beliau berkata program itu terbuka kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperolehi sekurang-kurangnya kepujian dalam empat mata pelajaran termasuk Bahasa Malaysia, lulus Matematik atau Matematik Tambahan atau Prinsip Akaun, Bahasa Inggeris dan mengambil Malaysian University English Test (MUET) serta telah bekerja lima tahun.

Bagi lulusan Sijil Tinggi Persekolahan (STPM) pula hendaklah lulus Matematik/Matematik Tambahan atau Prinsip Akaun, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris pada peringkat SPM dan sekurang-kurangnya Prinsip E mata pelajaran Pengajian Am dan dua mata pelajaran lain serta mengambil MUET.

Tempoh pengajian adalah empat hingga sepuluh tahun dan tiga pusat pengajian untuk tujuan itu disediakan iaitu di kampus Sintok, kampus Kuala Lumpur dan Akif Educare Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu, Sabah.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan borang dengan melayari laman web <http://www.uum.edu.my/pace> atau telefon 04-9284926/4920/4912. Tarikh tutup permohonan 31 Julai. — Bernama